



Tel. : 088-368000
Bil. : KEW.100-4/4 JLD.9 (97)
Tarikh : 30 Jun 2022

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL.4/2022
PENGUNAAN KAMUS KOD ASET KERAJAAN NEGERI SABAH SEBAGAI RUJUKAN
SEMASA PENDAFTARAN DAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT ASET**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan penggunaan Kamus Kod Aset Kerajaan Negeri Sabah sebagai piawaian dalam merekod dan mengurus aset Kerajaan agar lebih sistematik, menyeluruh, seragam dan bersepadu.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Sistem kod aset adalah salah satu kaedah penting dalam pengurusan data dan maklumat aset kerajaan. Pada masa kini, kaedah penyediaan maklumat dan pengelasan aset adalah tidak seragam dan bergantung kepada amalan organisasi masing-masing. Justeru itu, ketidakseragaman maklumat dan pengelasan aset antara organisasi mengakibatkan penyelarasan pengurusan aset Kerajaan gagal dilaksanakan secara berkesan.
- 2.2 Sistem kod aset yang seragam merupakan asas kepada pelaksanaan aplikasi berkomputer dan pengujudan pangkalan data aset (*central code asset*) secara berpusat dalam menguruskan aset Kerajaan. Sistem kod aset yang seragam juga akan membolehkan pengesanan, analisa dan pelaporan maklumat aset Kerajaan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat, tepat dan berintegriti.

“SABAH MAJU JAYA”

1



PK. 0032 (L) - 2021

Rujukan : KEW.100-4/4 JLD.9 (97)
Tarikh : 30 Jun 2022

- 2.3 Penggunaan kod aset akan membolehkan semua data dan maklumat aset Kerajaan diseragamkan serta diurus melalui pangkalan data (*central code*) secara berpusat.

3. TUJUAN KAMUS KOD ASET

- 3.1 Kamus kod aset Kerajaan Negeri Sabah ini merupakan rujukan kepada semua Kementerian, Jabatan dan Pejabat Daerah bagi:-
- 3.1.1 Menetapkan piawaian penggunaan struktur kod aset Kerajaan Negeri Sabah selaras dengan keperluan sistem pengurusan aset Kerajaan Negeri yang sedang berkuatkuasa.
- 3.1.2 Memudahkan pengenalanpastian dan penentuan kategori sesuatu aset yang betul dan tepat agar dapat memastikan pengurusan aset Kerajaan lebih teratur dan berkesan;
- 3.1.3 Meningkatkan kefahaman ke atas penggunaan kod aset Kerajaan Negeri Sabah yang seragam, terutamanya dalam menentukan penjenisan dan pengelasan aset.

4. PANDUAN UMUM DAN KAMUS KLASIFIKASI KOD ASET BAGI PENDAFTARAN ASET

- 4.1 Panduan dan Kamus Kod Aset Kerajaan Negeri Sabah disediakan bersama-sama Pekeliling ini sebagai panduan menguruskan aset di Kementerian/Jabatan/ Pejabat Daerah, terutamanya dalam pendaftaran dan perekodan aset.

5. TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta bermula tarikh ia dikeluarkan.
- 5.2 Surat pekeliing ini adalah juga dipanjangkan untuk diguna pakai oleh Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, tertakluk kepada dasar/polisi masing-masing.

“SABAH MAJU JAYA”

2

Rujukan : KEW.100-4/4 JLD.9 (97)
Tarikh : 30 Jun 2022

6. PERTANYAAN ATAU KEMUSYKILAN

- 6.1 Sebarang pertanyaan atau kemusykilan berkenaan surat pekeliing ini hendaklah dirujuk kepada **Unit Harta Awam, Bahagian Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam, Kementerian Kewangan Negeri Sabah**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATUK HAJI RUSDIN RIMAN C.A (M), FCPA(A), CPFA (UK))
Setiausaha Tetap

- s.k: (1) Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Jabatan Ketua Menteri,
Tingkat 28, Blok A,
Menara Kinabalu,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- (2) Pengarah
Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Sabah,
Blok A, Aras 4, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
88400 KOTA KINABALU

“SABAH MAJU JAYA”

3